

MAHATHIR - SINGAPURA
DARIPADA AZMAN UJANG
(1)

VANCOUVER, 18 OKT (BERNAMA) -- SINGAPURA MEMBERITAHU MALAYSIA BAHAWA IA TIDAK BERNIAT MENIMBULKAN PROVOKASI APABILA BEBERAPA ASKARNYA MENCEROBOHI WILAYAH MALAYSIA BARU-BARU INI.

HAL ITU DISAMPAIKAN OLEH PERDANA MENTERI SINGAPURA, ENCIK LEE KUAN YEW, KEPADA RAKAN SEJAWATANNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, SEMASA KEDUA-DUA PEMIMPIN ITU BERTEMU UNTUK BERBINCANG MENGENAI PERKARA-PERKARA DUA HALA DI SINI KHAMIS LEPAS.

KEDUA-DUA PEMIMPIN ITU BERADA DI SINI UNTUK MENGHADIRI PERSIDANGAN KEMUNCIAK KOMANWEL YANG BERAKHIR HARI SABTU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERITAHU PARA WARTAWAN MALAYSIA DI SINI BAHAWA MENURUT ENCIK LEE, KEJADIAN ITU TIDAK DIRANCANG.

BELIAU MEMBERITAHU SAYA BAHAWA ASKAR-ASKAR YANG BERBANGGUNGJAWAB SEDANG DIHADAPKAN KE MAHKAMAH TENTERA MALAH BELIAU MENAWARKAN UNTUK MEMBERITAHU SAYA MENGENAI HASILNYA,+ KATANYA. -- LAGI

1747MST 18 10 87

B B928 AAB

MAHATHIR - SINGAPURA 2 VANCOUVER

(1)

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU AGAK BERPUAS HATI DENGAN PENJELASAN ENCIK LEE.

SEORANG PEGAWAI TERTINGGI TENTERA MALAYSIA BARU-BARU INI BERKATA, BEBERAPA ORANG ANGGOTA TENTERA SINGAPURA YANG BERPAKAIAN SERAGAM DILIHAT SEDANG MENAIKI SEBUAH BOT BERHAMPIRAN PANTAI JOHOR.

LAPORAN-LAPORAN AKHBAR KEMUDIAN MEMETIK SUMBER-SUMBER TERTINGGI TENTERA SEBAGAI BERKATA BAHAWA BEBERAPA KEJADIAN PENCEROBOHAN TELAH BERLAKU SEJAK BEBERAPA BULAN LEPAS.

APABILA DITANYA SAMA ADA BELIAU TELAH BERBINCANG DENGAN ENCIK LEE MENGENAI BEBERAPA KEJADIAN SEUMPAMA ITU, PERDANA MENTERI BERKATA, MEREKA HANYA BERBINCANG MENGENAI SATU KEJADIAN SAHAJA.

KATANYA, ENCIK LEE JUGA MENJELASKAN KEADAAN YANG MEMBAWA KEPADA LAWATAN PRESIDEN REJIM TEL AVIV, CHAIM HERZOG KE SINGAPURA, PADA PUJANG NOVEMBER TAHUN LEPAS, YANG MENIMBULKAN BANTAHAN MALAYSIA YANG MENEGAKAN DASAR ANTI ZIONIS. -- LAGI

1749MST 18 10 87

B B929 AAB

MAHATHIR - SINGAPURA 3 VANCOUVER

(1)

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA LAWATAN ITU TELAH DITENTUKAN BEBERAPA MASA DAHULU DAN BELIAU TIDAK MENGETAHUINYA TETAPI APABILA BELIAU MENGETAHUINYA IA TELAH TERLEWAT. SAYA MENERIMA PENJELASANNYA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

+SAYA YAKIN ENCIK LEE IKHLAS DALAM HASRATNYA UNTUK MEWUJUDKAN HUBUNGAN BAIK DENGAN MALAYSIA, YANG PENTING IALAH BELIAU MEMAHAMI KEPERLUAN KITA,+ KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, SEMASA BERADA DI SINI BELIAU JUGA MENEMUI SULTAN BRUNEI DARUSSALAM UNTUK BERBINCANG MENGENAI HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

+TETAPI KAMI TIDAK BERBINCANG MENGENAI SEBARANG PERKARA PENTING,+ KATANYA.

APABILA DITANYA LAGI, PERDANA MENTERI BERKATA SAMBIL BERJENAKA +KAMI TIDAK BERBINCANG MENGENAI SEBARANG PENJUALAN MANA-MANA BAHAGIAN MALAYSIA+, SEBAGAI MERUJUK KEPADA KONTROVERSI BARU-BARU INI DALAM SEBUAH MAJALAH YANG MENDAKWA KONONNYA BELIAU SEBELUMNYA TELAH BERBINCANG DENGAN SULTAN BRUNEI MENGENAI PENJUALAN LIMBANG KEPADA BRUNEI. -- BERNAMA

1753MST 18 10 87